



JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 4/1/2008

TUAN HAJI MOHAMMAD BIN HASHIM - IMAM BESAR
 TUAN HAJI AB. RASHID BIN AB. RAHMAN - BILAL SATU

(Tajuk Khutbah : Awal Muharram - Manusia Sebagai Khalifah Allah Di muka Bumi)

JADUAL SOLAT HARI INI

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
5.53	7.17	1.17	4.40	7.16	8.30	5.43

Bil. 1/ 2008

Tarikh : 4 Januari 2008 / 25 Zulhijjah 1428H

PERCUMA

Tazkirah

CARA MENDAPATKAN ILMU

TERDAPAT beberapa sebab untuk mendapatkan ilmu pengetahuan serta di dapati pelbagai cara untuk meraihnya serta menghafalnya. Yang terpenting adalah:

1. Bahawa seseorang itu memohon kepada Allah ilmu yang bermanfaat serta meminta kepadaNya. Allah S.W.T. telah memerintahkan kepada NabiNya S.A.W. dengan selalu memohon kepadaNya untuk ditambah ilmu yang bermanfaat yang banyak. Allah S.W.T. berfirman:

"Dan katakanlah (Wahai Muhammad): "Ya Tuhanku tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan." Rasulullah S.A.W. selalu berdoa kepada Allah dengan doanya:

"Ya Allah! berikanlah kepadaku manfaat terhadap apa yang telah Engkau berikan pelajaran kepadaku, berikanlah ilmu pengetahuan yang bermanfaat kepadaku dan tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan."

2. Bertungkus lumus dalam menuntut ilmu pengetahuan. Selalu merindukannya dan kemahuan yang benar untuk mencari keredhaan Allah S.W.T. serta mencurahkan segala daya upaya untuk menuntut ilmu pengetahuan mengenai Al-Quran dan hadith.

Datang seorang lelaki kepada Abu Hurairah r.a, lantas lelaki itu berkata: Sesungguhnya aku berkeinginan untuk belajar ilmu pengetahuan dan aku takut untuk mensia-siakannya. Maka Abu Hurairah berkata: Cukuplah engkau meninggalkan ilmu pengetahuan itu sebagai tindakan menyia-nyiakan kepadanya.

Oleh sebab itu, sebahagian para ahli hikmah mengatakan ketika mereka ditanya: Apa sebenarnya sebab untuk meraih ilmu pengetahuan itu? Ahli hikmah itu menjawab: Keinginan yang kuat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tersebut. Iaitu dengan cara mengikutinya, mencintainya dengan cara men-

dengarkannya dan mengumpulkannya. Ajarkanlah ilmu mu itu kepada orang yang jahil, belajarlh engkau kepada orang yang berpengetahuan, sebab jika engkau melakukan yang demikian, nescaya engkau akan mendapatkan ilmu daripada perkara-perkara yang engkau belum ketahui dan engkau akan hafal terhadap apa yang engkau ketahui.

Oleh sebab itu Imam Syafie mengatakan dalam syairnya:

Saudaraku! engkau tidak akan meraih ilmu melainkan dengan enam Selagi aku akan beritahukan penjelasannya dengan terperinci. Pintar, keinginan, bersungguh dan bekal Berteman dengan guru dan masa yang lama.

3. Menjauhkan seluruh maksiat dengan cara bertakwa kepada Allah S.W.T. Sebab yang demikian tersebut merupakan cara atau wasilah yang paling tepat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Sebagaimana firman Allah S.W.T.

"Dan bertakwalah kepada Allah: Allah mengajarkan kamu: dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

Allah S.W.T. juga berfirman di tempat lain:

"Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan memberikan furqan."

Ini sangatlah jelas bahawa orang yang bertakwa kepada Allah S.W.T. nescaya Allah akan memberikan ilmu pengetahuan yang dapat membezakan antara yang hak dan yang bathil. Oleh sebab, Abdullah bin Mas'ud r.a mengatakan: Sesungguhnya Aku yakin bahawa seseorang yang telah lupa dengan ilmu dan sebelumnya ia telah mengetahuinya dengan dosa yang ia ketahui.

Umar bin Abdul Aziz mengatakan: Lima perkara jika seorang hakim bersalah maka ianya akan mendapatkan keaiban. Ianya hendaklah seorang yang memiliki pemahaman, tidak pemaarah, menerima apa

30 PUNCA KEBAHAGIAAN HIDUP

Bab 19 : Janganlah Merasa Dengki Kepada Orang Lain Lantaran Kurnia Allah Yang Telah Dianugerahkan kepadanya

SIFAT dengki adalah bagaikan bakteria yang dapat menghancurkan dan membinasakan segala-segalanya. Sifat dengki adalah penyakit pembawa kebinasaan, yang dapat menghancurkan tubuh dan jasad umat manusia.

Pepatah mengatakan: Tidak ada ketenangan bagi orang yang bersifat dengki, sebab dia adalah orang yang zalim yang berada pada pakaian orang yang dizalimi dan dia adalah musuh yang berada dalam celana orang yang jujur. Pepatah juga mengatakan: Alangkah adilnya Allah. Sifat dengki berada dalam tubuh orang yang mempunyai sifat semacam itu, lalu dia dapat membunuh dirinya sendiri.

Sesungguhnya saya menyarankan diri anda supaya tidak bersifat iri dengki dan hasad, sebab saya merasa kasihan terhadap diri anda sendiri, sebelum kita meluahkan kasih sayang kepada orang lain. Sebab dengan cara kita hasad dan dengki kepada orang lain, maka bererti kita telah menyuburkan duka cita dalam daging kita, memberikan minuman kesedihan dengan darah

kita, dan kita membahagikan tidur nyenyak kepada orang lain.

Orang yang bersifat dengki adalah orang yang menyalakan api dalam dapur, lalu dia sendiri terjun ke dalamnya. Kesedihan, kegelisahan dan kekacauan fikiran merupakan penyakit-penyakit yang dilahirkan oleh sifat dengki dan hasad. Sebab ianya dapat membunuh dan menghilangkan ketenangan, ketenteraman, dan kehidupan indah lagi menyeronokkan.

Malapetaka utama bagi orang yang bersifat dengki adalah bahawa dia memusuhi ketentuan Allah, menuduh ketidakadilan Tuhan, tidak ada sopan santun dengan terhadap hukum syariat dan bercanggah serta keluar daripada cara yang baik sesuai dengan ajaran agama Islam.

Alangkah ruginya orang yang bersifat hasad dan dengki. Dia telah menanam sebuah penyakit yang tidak akan pernah mendapatkan pahala sedikit pun orang yang memeliharanya. Dengan sifat hasad dan dengki, maka dia juga tidak akan pernah mendapatkan ganjaran dari sesiapa pun.

Seseorang yang mempunyai sifat iri dengki akan tetapi selalu dalam keadaan kegelisahan sehingga dia

Bersambung di m/s 3 >>>

<<< sambungan dari m/s 1

adanya, kuat pendirian dalam mempertahankan kebenaran dan seorang alim yang selalu bertanya tentang masalah ilmu.

Imam Syafie mengatakan dalam sebuah syairnya:

Aku mengadu kepada Waki' tentang buruknya hafalunku Maka ianya memberikan saranan kepadaku untuk meninggalkan maksiat.

Ianya juga memberitahu kepadaku bahawa ilmu Allah adalah cahaya, dan cahaya Allah tidak akan diberikan kepada orang yang bermaksiat.

Imam Malik berkata kepada Imam Syafie: Allah telah memperlihatkan kepadaku bahawa Dia telah menjadikan sebuah cahaya di dalam hati kamu, maka janganlah engkau padamkan dengan kegelapan maksiat.

4. Tidak bersikap sombong dan malu dalam hal menuntut ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu Aisyah r.a berkata: Sebaik-baik perempuan adalah perempuan orang Ansar! Mereka tidak pernah malu untuk mendalami ilmu dalam masalah agama.

Ummu Sulaimah berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Allah tidak merasa malu untuk menanyakan hal kebenaran, maka apakah wajib bagi seorang wanita mandi apabila ianya bermimpi? Nabi S.A.W. bersabda: Ya, apabila melihat air mani.

Mujahid mengatakan: Orang yang tidak mahu belajar ilmu iaitu orang yang pemalu dan orang yang sombong.

5. Ikhlas di dalam menuntut ilmu pengetahuan dan mengamalkannya.

Rasulullah S.A.W. bersabda: Seseorang yang menuntut ilmu di jalan Allah sedangkan ianya hanyalah mempelajari untuk mendapatkan bahagian daripada kepuasan dunia sahaja, nescaya ianya tidak akan mendapatkan bau harum syurga pada hari Kiamat.

Maka jelaslah daripada keterangan di atas bahawa ilmu pengetahuan harus dilaksanakan dengan ikhlas dan tekun.

meninggal dunia atau anugerah yang dimiliki orang lain hilang. Semua orang diadakan perdamaian terkecuali orang yang mempunyai sifat iri dengki.

“Sebab perdamaian dengannya tidak akan terwujudkan melainkan orang lain melepaskan diri dan membuang jauh-jauh anugerah yang telah dilimpahkan kepadanya, membuang minat bakat yang tersimpan pada diri orang lain, menghilangkan segala keistimewaan dan nama baik yang dimiliki orang lain.

Jika anda sudah melakukan yang demikian, maka barangkali dia dapat rela walaupun secara terpaksa. Marilah kita berlindung kepada Allah daripada kejahatan sikap dengki dan hasad. Sebab ianya bagaikan ular hitam yang beracun, yang mana racun itu tidak akan dapat hilang terkecuali dikeluarkan daripada tubuhnya itu sendiri.

Maka hindarilah dirimu daripada sikap hasad, iri dan dengki. Mintalah perlindungan kepada Allah daripada orang yang memiliki sifat hasad, sebab ianya telah menunggu dan siap menerkam anda di mana-mana.

Bab 20 : Terimalah Kehidupan Sebagaimana Adanya

KEHIDUPAN itu memang diciptakan dengan pelbagai kekeruhan, sementara anda masih menginginkannya sebuah kejernihan daripada pelbagai kotoran dan keburukan.

Inilah keadaan dunia sebenarnya. Ia adalah dikelilingi pelbagai kelazatan, banyak tanggung jawab dan sangat menyedihkan. Pelbagai aneka ragam warna, dicampuri dengan pelbagai kekotoran dan diliputi

Bersambung di m/s 4 >>>

SIDANG REDAKSI

PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali bin Mohd. Rustam
(Ketua Menteri Melaka)

PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Abd. Wahab Bin Abd. Latif
(Timbalan Pengerusi MAIM)

PENASIHAT

Datuk Alias Bin Mad Saad
(Pengarah JAIM)

KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad bin Hashim
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

EDITOR

Hj. Ab. Rashid bin Ab. Rahman
(Bilal Satu)

PENGARANG/PENGEDAR/ SIMPANAN

Ustaz Mohd Amirudin bin Ahmad
(Imam Satu)

Tuan Hj. Yaacob bin Abd. Majid
(Imam Rawatib Masjid Negeri Melaka)

Pn. Mahaniza Binti Mahat
(Pembantu Tadbir)

Mohd Aidiel bin Jaafar (Noja)
Hj. Borhan Benjamin bin Abdullah
(Penyambut Tetamu)

Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Tiga Ratus Empat Puluh Tiga.

التَّعَاذِي

Ucapan Takziah

لُونَا : أَنَا مُتَأَسِّفَةٌ بِمَا حَدَثَ لَكَ يَا أُخْتِي.

Saya bersimpati dengan apa yang telah berlaku pada awak.

عَائِشَةُ : وَاللَّهِ، أَنَا غَيْرُ مُتَوَقِّعَةٍ بِأَنَّ أَبِي قَدْ انْتَقَلَ إِلَى رَحْمَةِ اللَّهِ تَعَالَى.

Demi Allah, saya tidak menjangkakan bahawa ayah saya akan pulang ke rahmatullah Taala.

لُونَا : اصْبِرِي يَا أُخْتِي، الْبَقَاءُ لِلَّهِ.

Bersabarlah, yang kekal itu hanya di sisi Allah.

عَائِشَةُ : شُكْرًا عَلَى هَذِهِ الزِّيَارَةِ وَشُعُورِكَ النَّبِيلِ.

Terima kasih atas kunjungan ini dan juga perasaan awak yang tulus.

الْعِبَارَاتُ :

اصْبِرْ يَا أُخْتِي / اصْبِرِي يَا أُخْتِي، الْبَقَاءُ لِلَّهِ.

Bersabarlah, yang kekal itu hanyalah di sisi Allah.

JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak	2.30 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Datuk Hj. Mohamad b. Amat 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 9.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz	2.30 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

< < sambungan dari m/s 3

pelbagai kekecewaan, sementara anda selalu berada di dalam kesedihan.

Apabila anda menjumpai anak, isteri, teman, sahabat dan juga apabila anda menemukan pekerjaan, rumah sebagai tempat tinggal maka kesemua itu pasti ada yang akan mengeruhkan suasana anda dan bahkan ada yang bersikap buruk terhadap diri anda.

Oleh itu, maka padamkanlah panas keburukannya dengan kesejukan kebaikannya, supaya anda dapat selamat daripada gangguannya dan sikap buruknya. Sebab segala tindakan dan tingkah laku itu pasti ada balasannya.

Allah menghendaki kehidupan dunia ini bahawa ianya mengumpulkan antara dua jenis yang saling bertentangan, dua macam yang saling berlawanan dan dua permasalahan yang saling bertolak belakang. Iaitu kebaikan dan kejahatan, keindahan dan kerosakan, kebahagiaan dan kesedihan.

Kemudian segala bentuk kebaikan, keindahan dan kebahagiaan akan terus meningkat dan mendapatkan posisi di dalam syurga. Sementara segala bentuk kejahatan, kerosakan dan kesedihan akan berkumpul dan mendapatkan kedudukan di dalam neraka. Dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W. menyatakan:

"Dunia itu dilaknat berserta semua isinya terkecuali orang yang berzikir kepada Allah, orang yang memberikan bantuan kepadanya, orang alim dan orang yang belajar ilmu pengetahuan."

Belajarlah anda hidup daripada kenyataan yang

sebenarnya dan jangan biarkan fikiran anda melayang-layang dalam dunia khayal dan angan-angan. Usahakanlah anda menggapai dunia idealism yang tinggi dan terimalah kehidupan dunia sebagaimana adanya. Adakanlah penyesuaian terhadap anda untuk menjalaninya dan mematangkannya.

Sebab seorang sahabat yang tidak akan pernah bersikap sejati dan sejujurnya kepada anda dan segala perkara tidak akan terus mengalami kesempurnaan bagi anda. Sebab kesetiaan dan kesempurnaan bukanlah tabiat manusia yang sejati dan bahkan bukan bahagian daripada sifat yang sebenarnya.

Seorang isteri tidak akan dapat sempurna sesuai dengan apa yang anda harapkan. Dalam sebuah hadis dinyatakan bahawa:

"Janganlah seorang suami terlalu membenci isteri jika dia tidak menyukai salah satu daripada sikapnya, sebab dia pasti akan menyukai sikap-sikap yang lainnya."

Oleh sebab itu, maka selayaknya kita saling menutupi, mendekatkan diri, memaafkan, saling mengampuni kesalahan dan mengambil apa yang ter-mudah. Kemudian diiringi dengan meninggalkan perkara yang susah dan terkadang kita harus me-mejamkan mata, menutupi segala kesalahan dan kadangkadang kita melupakan perkara-perkara yang dialami secara nyata dalam kehidupan. Sesiapa yang tidak dapat bersikap manis dalam segala perkara yang dihadapinya, maka dia akan tertusuk taring dan akan diinjak kaki anjing.

Bersambung minggu hadapan >>>